

STRATEGI KOMUNIKASI ANTARA BUDAYA MINANGKABAU-MANDAILING: ANALISIS TERHADAP INTERAKSI SOSIAL KOMUNITI KAMPUS¹

Hetti Waluati Triana

waluati@yahoo.co.id

Institut Agama Islam Negeri Imam Bonjol Padang
Indonesia

Abstrak

Kajian ini mengungkapkan strategi komunikasi yang digunakan oleh suku bangsa Minangkabau dan Mandailing dalam lingkungan kampus. Data kajian ini diperoleh mengikut kaedah etnografi, iaitu pengamatan ikut serta dan temu bual. Analisis dilakukan secara kualitatif dengan menggunakan paradigma sosiopragmatik. Dapatan menunjukkan bahawa pemusatan dan penyimpangan merupakan strategi yang digunakan dalam berkomunikasi antara budaya Minangkabau-Mandailing. Dapatan ini menyokong teori akomodasi Giles (1975) dan model komunikasi konvergensi Rogers dan Kincaid (1981). Secara praktisnya, kedua-dua strategi tersebut aplikasinya secara bervariasi sesuai dengan konteks penggunaannya. Penggunaan kedua-dua strategi tersebut melibatkan tiga kod, iaitu bahasa persatuan (Indonesia), Minangkabau, dan Mandailing.

Kata Kunci: strategi komunikasi antara budaya, komuniti kampus, Minangkabau, Mandailing, sosiopragmatik, dan etnografi

Abstract

This study reveals the strategy of communication used by the Minangkabau and Mandailing ethnic groups on a university campus. Data used in this research was obtained using the ethnographic

method, i. e. participatory observation and interview. The analysis is a qualitative one based on the socio-pragmatic paradigm. The result shows that convergence and divergence are the preferred strategies of both ethnic groups in intercultural communication. This result is in line with Gile's theory of accommodation (1975) and Roger and Kincaid's convergence model of communication (1981). In practice, both strategies are applied in various ways according to the context of usage. Both strategies involve three different codes: the national language (Indonesian), Minangkabau and Mandailing.

Keywords: inter-cultural communication strategies, campus community, Minangkabau, Mandailing, socio-pragmatics, ethnography

PENDAHULUAN

Sebagai institusi pendidikan, dunia kampus terbuka untuk semua suku bangsa. Oleh yang demikian interaksi sosial dalam kalangan komuniti kampus diwarnai dengan pelbagai ragam budaya. Di Sumatera Barat komuniti kampus lebih didominasi oleh suku bangsa Minangkabau dan Mandailing. Kedua-dua suku bangsa tersebut merupakan sebahagian daripada 300 lebih suku bangsa yang hidup dan berkembang di Indonesia. Di sini banyak berlaku interaksi sosial antara kedua-dua suku.

Menurut Tannen (1990) dalam Griswold (1994), "*Language is important to human interaction that it is difficult to think of life without it.*" Gagasan yang sama juga dikemukakan oleh Anderson and Taylor (2005) yang memaparkan bahawa komuniti dibina melalui interaksi sosial, sedangkan interaksi sosial tidak boleh wujud tanpa bahasa.

Meskipun demikian, bahasa bukanlah merupakan komponen tunggal dalam interaksi sosial melainkan hadir bersama-sama dengan informasi penuturnya, termasuk budaya penuturnya (Trudgill, 1974). Pandangan ini sejalan dengan pendapat Claire (1998) yang mengatakan bahawa bahasa sebagai sistem lambang tidak dapat dipisahkan daripada nilai budaya. Hubungan intrinsik antara bahasa dan budaya telah diakui secara luas, sebagaimana dikemukakan oleh Saville-Troike (2006) bahawa "*The intrinsic relationship of language and culture is widely recognize...*".

Tannen (2006) mengungkapkan hubungan antara bahasa dan budaya dengan dua istilah, iaitu terikat bersama dan tidak boleh dipisahkan (*closely intertwined and inseparable*). Kedua-dua istilah tersebut merupakan

istilah kunci yang menunjukkan bahawa bahasa dan budaya merupakan dua hal yang lazimnya hadir bersama.

Pernyataan di atas menunjukkan bahawa bahasa mempunyai hubungan timbal-balik dengan budaya. Hubungan inilah yang menempatkan fenomena berbahasa, seperti interaksi sosial, sebagai fenomena sosial budaya, sebagaimana asas paradigma sosiopragmatik. Fenomena yang demikian menyebabkan interaksi sosial di persekitaran kampus menjadi kajian yang menarik dan mencabar.

Sesuai dengan huraian di atas, maka makalah ini akan memaparkan aspek linguistik dalam komunikasi antara budaya Minangkabau dan Mandailing, mencakupi aspek leksikal dan sintaksis yang terefleksi melalui interaksi sosial komuniti kampus, iaitu komunikasi verbal dalam situasi tidak formal. Berdasarkan paparan tersebut dapat diungkapkan strategi komunikasi sebagai upaya menjayakan komunikasi antara budaya Minangkabau-Mandailing.

KONSEP ASAS KAJIAN KOMUNIKASI ANTARA BUDAYA

Komunikasi merupakan bentuk aktiviti berbahasa yang berkait rapat dengan konteks penggunaan. Dengan kata lain, komunikasi menuntut penuturnya menguasai pelbagai aspek, meliputi aspek linguistik dan bukan linguistik. Oleh itu, penguasaan terhadap sistem lambang komunikasi sahaja belum boleh menjamin kelancaran proses komunikasi. Seorang penutur dituntut memiliki kecekapan berbahasa sehingga komunikasinya berjaya. Pernyataan ini sejalan dengan pandangan Saville-Troike (2006) yang menyatakan bahawa kecekapan berkomunikasi (*communicative competence*) menjadi sangat penting ketika interaksi berlangsung dalam komunikasi antara budaya.

Komunikasi antara budaya terjadi ketika komponen yang terlibat dalam peristiwa membawa serta latar budaya yang mencerminkan apa-apa yang diamalkan oleh kumpulannya, mencakupi: pengalaman, pengetahuan, dan nilai (Samovar *et al.*, 1981). Oleh itu, komunikasi antara budaya boleh menghalang kejayaan komunikasi, bahkan kadangkala juga boleh mencetuskan konflik, sebagaimana dikemukakan oleh Saville-Troike (2006): “*Clear cross-cultural differences can and do produce conflicts or inhibit communication.*”

Kajian ini memanfaatkan Teori Akomodasi Komunikasi Giles, Teori Etnografi Perilaku Conquargood dan Turner, serta Teori Etnografi

Komunikasi Saville-Troike. Dalam perkembangan semasa, pelbagai kajian telah dilakukan berasaskan teori tersebut. Enam kajian yang dinilai relevan dengan kajian ini. Keenam-enam kajian tersebut dilakukan oleh Harms (1973), David (1999), Newliep (2003), Puteri Roslina (2009), Dutton (2011), dan Hanssen (2011).

Daripada kajian di atas, dapat ditegaskan bahawa komunikasi antara budaya berlaku apabila penutur daripada dua etnik ataupun dua suku bangsa berinteraksi dalam situasi tidak rasmi, baik secara verbal mahupun bukan verbal. Dapatan ini sejalan dengan pandangan Harms (1973) yang mendefinisikan komunikasi antara budaya sebagai interaksi tidak formal yang melibatkan hubungan dua arah dalam kumpulan yang lebih besar, yang dibezakan daripada komunikasi silang budaya.

Pandangan di atas disokong oleh Samovart *et al.* (1981) dan Dodd (1982). Menurut Samovart *et al.* (1981), komunikasi antara budaya terjadi ketika bahagian yang terlibat dalam aktiviti komunikasi itu membawa bersama-samanya latar belakang dan pengalaman berbeza yang boleh mencerminkan amalan kumpulannya, mencakupi pengetahuan dan nilai yang dipegangnya. Dodd (1982) menyatakan bahawa komunikasi antara budaya ialah pengiriman dan penerimaan mesej dalam konteks perbezaan budaya yang menghasilkan kesan yang berbeza.

Sesuai dengan tajuk makalah ini, maka interaksi sosial yang menjadi fokus kajian ini ialah suku bangsa Minangkabau dan Mandailing sebagai dua kumpulan yang berbeza budaya. Minangkabau merupakan salah satu suku bangsa yang besar di Nusantara. Suku bangsa ini sering disebut si Padang di Indonesia. Padang merujuk Ibu Kota Sumatera Barat, tempat komuniti ini berasal. Mandailing merupakan nama suku bangsa yang mendiami sebahagian Kabupaten Tapanuli Selatan dan Kabupaten Mandailing Natal, Sumatera Utara, yang juga dikategorikan sebagai sebahagian daripada suku Batak. Suku tersebut mempunyai bahasa, iaitu bahasa Mandailing. Walaupun masih berkerabat satu dengan yang lain, pada beberapa rujukan disebutkan bahawa bahasa Mandailing salah satu dialek daripada bahasa Batak. Dalam lingkungan masyarakat Sumatera Barat, Mandailing juga menjadi nama bagi salah satu suku yang hidup antara komuniti Minangkabau. (Capaian pada 18 Februari 2012, <http://technorati.com/blogs/Mandailing.wordpress.com/#ixzz1mvchKF83>).

Minangkabau merupakan suku bangsa asli, sedangkan Mandailing merupakan suku bangsa pendatang di kawasan Sumatera Barat sekarang ini. Kedua-dua suku bangsa ini memiliki pelbagai perbezaan, seperti: bahasa, adat resam, dan garis keturunan. Selain perbezaan, kedua-dua

suku bangsa tersebut juga memiliki persamaan, iaitu menganuti agama Islam. Meskipun memiliki persamaan, kedua-dua suku bangsa itu tetap akan mengidentifikasi dirinya dalam kelompok kesukuannya, termasuk dalam berbahasa.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini bersifat kualitatif yang dilakukan dengan menggunakan pendekatan etnografi pertuturan. Etnografi difahami sebagai pendekatan kualitatif yang berupaya menghuraikan aspek kebudayaan (Moleong, 1995:13). Penggunaan pendekatan etnografi didasarkan pada pemahaman bahawa bahasa merupakan aspek kebudayaan yang ditentukan secara sosial, di samping mengakui kepentingan untuk menganalisis kod bahasa dan proses kognitif para penutur dan lawan tuturnya, (Saville-Troike, 2006).

Penyelidikan difokuskan pada latar sosial budaya dan lakuan verbal yang dominan dalam kalangan komuniti kampus yang mencakupi seluruh aktiviti linguistik dalam interaksi antara pensyarah, kaki tangan, dan pelajar dalam situasi tidak formal. Sehubungan dengan itu, ditetapkan bahawa penyelidikan hanya dilakukan di luar bilik darjah. Interaksi yang demikian itu boleh terjadi di pelbagai tempat dalam persekitaran kampus, seperti di pejabat, di kafe, di padang, di depan bilik darjah, dan di tempat letak kereta.

Informan penyelidikan ini berjumlah 51 orang yang terdiri daripada 37 orang Minangkabau dan 14 orang Mandailing yang ditentukan secara pensampelan tujuan (*purposive sampling*). Data dikumpulkan dalam masa empat bulan dalam tempoh masa 2-4 jam setiap hari kerja (Isnin –Jumaat). Untuk tujuan tersebut, tiga teknik pengumpulan data digunakan, iaitu soal selidik, pengamatan, dan temu bual.

Semasa mengumpul data penyelidikan dengan ketiga-tiga teknik di atas, peneliti membuat catatan lapangan, yang meliputi catatan deskriptif dan catatan reflektif. Peristiwa tutur yang diperoleh berjumlah 263 dan 88 peristiwa tutur ditetapkan sebagai korpus penyelidikan. Setiap korpus diberikan kod mengikut kumpulan strategi, teknik, dan nombor data.

Untuk mengungkapkan strategi yang digunakan penutur dalam komunikasi antara budaya tersebut, teori Giles (1975) dimanfaatkan sebagai asas analisis. Teori akomodasi komunikasi mengkaji pemusatan (*convergence*) dan penyimpangan (*divergence*) tuturan. Teori akomodasi

menjelaskan bagaimana dan mengapa penutur menyesuaikan lakuan komunikasinya dengan lawan tutur. Penyesuaian itu disebut dengan pemusatan. Akomodasi dalam bentuk ini diwujudkan dalam bentuk upaya saling meniru antara penutur dengan lawan tutur. Lawan kata pemusatan ialah penyimpangan (*divergence*), yaitu lakuan komunikasi yang memperlihatkan perbezaan yang jelas antara penutur dan lawan tutur. Akomodasi dalam bentuk ini wujud melalui aksen, kelajuan, kosa kata, dan kekerasan suara.

Teori akomodasi mendapat tempat dalam kajian komunikasi dan digunakan dalam pelbagai penyelidikan yang berupaya memahami penggunaan bahasa dalam konteks pelbagai budaya. Hal ini dapat dibuktikan dengan adanya beberapa penyelidikan yang telah dilakukan sebelumnya, seperti kajian komunikasi media (Bell, 1991) dan bahasa jual-beli (David, 1999; Puteri Roslina, 2009).

DAPATAN KAJIAN

Dapatan menunjukkan bahawa komunikasi antara budaya Minangkabau-Mandailing dapat berlangsung dengan baik. Keadaan ini menunjukkan bahawa suku bangsa Minangkabau-Mandailing memiliki kecekapan berkomunikasi yang mencakupi penguasaan bahasa dan cara berbahasa, sebagaimana dikemukakan oleh Saville-Troike (2006). Penguasaan bahasa merujuk pengetahuan linguistik (kod dan makna bahasa), manakala cara merujuk strategi yang digunakan penutur untuk menjayakan komunikasi.

Mengikut teori akomodasi yang dikemukakan Giles (1975), strategi yang digunakan oleh suku bangsa Minangkabau-Mandailing dalam berkomunikasi di persekitaran kampus dapat diklasifikasikan kepada dua kumpulan, iaitu strategi pemusatan (*convergence*) dan strategi penyimpangan (*divergence*). Strategi pemusatan yang digunakan oleh kedua-dua suku bangsa tersebut dioperasikan melalui tiga teknik, iaitu menggunakan bahasa persatuan (bahasa Indonesia) secara utuh, beralih kod, dan bercampur kod, manakala strategi penyimpangan dioperasikan melalui pengejalan bahasa dan aksen.

Dapatan juga menunjukkan bahawa alih kod dan campur kod yang menjadi teknik suku bangsa Minangkabau dan Mandailing hanya melibatkan tiga kod bahasa, iaitu bahasa Indonesia, bahasa Minangkabau, dan bahasa Mandailing. Meskipun kod yang digunakan oleh komuniti kampus itu sama, namun strategi beroperasi dan dioperasikan mengikut

penuturnya sesuai dengan suku bangsanya. Perbahasan juga dilengkapi dengan contoh peristiwa komunikasi antara penutur Minangkabau (PMb) dan penutur Mandailing (PMd).

Strategi Pemusatan

Strategi pemusatan merupakan penyesuaian yang dilakukan oleh penutur melalui pilihan bahasa ketika berhadapan dengan lawan tutur (Giles dan Coupland, 1997). Bahkan, melalui pemusatan dapat diketahui sebab-sebab penutur melakukan penyesuaian dalam interaksi. Oleh sebab itu, penjelasan tentang strategi ini didasarkan kepada teknik yang digunakan penutur sesuai dengan budayanya.

1. Teknik Penyesuaian Penutur Minangkabau (PMn)

Terdapat lima teknik penyesuaian yang digunakan oleh suku bangsa Minangkabau, yaitu berbahasa Indonesia secara utuh, beralih kod Indonesia-Minangkabau, bercampur kod Indonesia-Minangkabau, bercampur kod Indonesia-Mandailing, dan membuka percakapan dengan ungkapan bahasa Mandailing. Masing-masing teknik akan dijelaskan seperti contoh yang berikut.

(a) Berbahasa Indonesia secara utuh

Penggunaan bahasa Indonesia sebagai upaya untuk menjayakan proses komunikasi berkait rapat dengan fungsi bahasa Indonesia sebagai bahasa persatuan bangsa Indonesia. Melalui teknik tersebut, penutur dan lawan tutur mempunyai penafsiran yang sama terhadap mesej yang disampaikan. Fenomena pemakaian teknik itu dapat dicermati melalui contoh yang berikut.

PMn: Cok, bawa *flash disk*?

(Cok, bawa USB, tak?)

PMd: Ada, untuk apa?

PMn: Mem-*print* yang kemaren.

(Nak cetak yang kelmarin)

PMd: Cepat, ya. (sambil mengulurkan flash disk). (1PMn1.2)

(Cepat ya? sambil menghulurkan USB)

Data 1PMn1.2 di atas memperlihatkan bahawa PMn yang merupakan suku bangsa Minangkabau menggunakan bahasa Indonesia secara utuh, baik pada tuturan pertama mahupun pada tuturan kedua. Kata *flash disk* dan *print* pada tuturan di atas bukanlah dalam konteks campur kod, melainkan penggunaan unsur serapan dalam bahasa Indonesia.

(b) Beralih Kod Indonesia-Minangkabau

Beralih kod daripada bahasa Indonesia kepada bahasa Minangkabau merupakan teknik penyesuaian yang dilakukan oleh suku bangsa Minangkabau ketika topik pembicaraan berkaitan dengan persoalan budaya. Dapatan menunjukkan bahawa banyak istilah bahasa Minangkabau yang sukar untuk dipadupadankan dalam bahasa Indonesia sehingga penutur Minangkabau tetap menggunakan istilah ataupun ungkapan bahasa Minangkabau. Fenomena tersebut boleh disemak melalui contoh peristiwa komunikasi yang berikut.

- PMn: Bang, jadi rapatnya?
(Bang, mesyuarat jadi kah?)
- PMd: Jadi, suratnya lagi dibuatkan. Kok tak datang?
(Jadi, surat sudah disiapkan. Mengapa tidak datang?)
- PMn: E...tapi *pai baralek anak pisang mama*.
(E... tetapi pergi meraikan perkahwinan sepupu).
- PMd: Mungkin besok sudah.
(Mungkin esok selesai).
- PMn: Makasih bang. (1PMn2.1)
(Terima kasih, bang).

Data 1PMN2.1 di atas memperlihatkan bahawa teknik alih kod dilakukan PMn ketika menuturkan “E...tapi *pai baralek anak pisang mama*”. Hal ini disebabkan kesukaran memadupadankan ungkapan *baralek anak pisang* (majlis perkahwinan anak saudara laki-laki) ke dalam bahasa Indonesia.

(c) Bercampur kod: Indonesia-Minangkabau

Strategi ini hampir sama dengan strategi beralih kod Indonesia-Minangkabau di atas. Tujuan dan alasan pemilihan strategi ini juga sama dengan strategi beralih kod di atas. Perbezaan kedua-dua strategi ini hanya pada tataran satuan linguistik yang digunakan. Peristiwa alih

kod melibatkan satuan linguistik yang berupa ayat, sedangkan peristiwa campur kod hanya melibatkan kata atau frasa. Penggunaan strategi itu dapat dilihat melalui contoh di bawah.

- PMn: Na, kita bagi-bagi aja.
(Na, kita berbahagi kerja sahaja).
 PMd: Aku mengetik aja, ya.
(Aku menaip sahaja, ya)
 PMn: Yang susah buatnya, *pancadiak*.
(Yang susah mengerjakannya, menyampahlah)
 PMd: Aku bukan nggak mau, nggak bisa.
(Aku bukannya tidak mahu bekerja, tidak boleh)
 PMn: Alasan, *iyolah*... (kemudian tertawa) (1PMn3.5)
(Alasan, iyalah)

Daripada data 1PMn3.5 di atas, didapati campur kod yang dilakukan PMn hanya terhad pada kata *pancadiak* (licik) dan *iyolah* (tidak apalah). Kedua-dua kata itu sesungguhnya sukar dipadupadankan dengan bahasa Indonesia kerana kandungan maknanya menjadi lain atau berbeza. Hal inilah yang mendorong PMn memilih untuk bercampur kod.

(d) Bercampur kod: Indonesia-Mandailing

Strategi ini merupakan cara yang dipilih etnik Minangkabau dalam upaya mewujudkan suasana komunikasi yang akrab. Akan tetapi, penemuan di lapangan menunjukkan bahawa penggunaan campur kod Indonesia-Mandailing ini agak terhad dibandingkan dengan tiga strategi sebelumnya. Data juga menunjukkan bahawa kod bahasa Mandailing yang digunakan dalam campur kod tersebut lebih kepada penggunaan kata ganti nama ataupun sapaan lazim, seperti *dongan*, *tulang*, dan *lae* dan istilah khas yang boleh menunjukkan identiti suku Mandailing, seperti *horas* dan *bah*. Selain itu, turut ditemukan ungkapan pendek yang lazim dalam percakapan, seperti *olo* (iya), *ulang be* (jangan lagi), *inda bah* (tidak), *naon ma* (nanti), dan *santongkin* (sekejap). Penggunaan yang seperti itu dapat dilihat daripada peristiwa tutur yang berikut.

- PMd: Ka, makan yuk!
(Ka, jom makan!)
 PMn: Tunggu Siti, dongan.

(Kena tunggu Siti, kawan)

PMd: Lapar.. (sambil memegang perutnya dan berjalan)

PMn: Olo... tunggu dulu. (1PMn4.9)

Peristiwa tutur sebagaimana data 1PMn4.9 di atas menunjukkan bahwa komunikasi didominasi oleh penggunaan bahasa Indonesia dan hanya dua kata yang menggunakan bahasa Mandailing, yaitu *dongan* (kawan) dan *olo* (iya). *Dongan* pada tuturan tersebut merupakan kata sapaan yang berfungsi sebagai upaya penutur untuk mendekatkan diri dengan lawan tutur, sedangkan *olo* digunakan untuk menyatakan perihal yang sama-sama dirasakan.

(e) Membuka komunikasi dengan ungkapan atau sapaan bahasa Mandailing

Dengan maksud untuk mengakrabkan dan melanggengkan hubungan sosial yang telah dibina, sebahagian etnik Minangkabau juga memulai komunikasi dengan ungkapan atau sapaan dalam bahasa Mandailing. Strategi ini sangat jarang digunakan dan hanya digunakan oleh penutur tertentu. Upaya itu dilakukan dengan cara mempelajari ungkapan Mandailing yang biasa atau lazim digunakan untuk memulai percakapan. Peranan penggunaan bahasa Mandailing dalam konteks ini lebih kepada bentuk *phatic communion* atau sapaan, seperti *horas* (salam), *ke tu jia sonari* (pergi ke mana kini), *aha do kabar* (apa kabar), *mongonjia omu* (dari mana kalian), dan *andigan ro dongan* (bila datang kawan). Penggunaan strategi ini dapat dilihat melalui contoh yang berikut:

PMn: *Horas lae.* (Salam kawan)

PMd: Ke mana? Belum masuk kan?

(Ke mana? Belum masuk lagi kan?)

PMn: Ngumpul sumbangan.

(Meminta sumbangan.)

PMd: Ya, aku ke akademik dulu. (1PMn5.7)

(Ya, aku ke pejabat hal ehwal pelajar dulu.)

Data 1PMn5.7 memperlihatkan bahawa LMn hanya menggunakan ungkapan bahasa Mandailing dalam konteks pembuka komunikasi dan selanjutnya menggunakan bahasa Indonesia. *Horas* merupakan salam pembuka interaksi dalam bahasa Mandailing, sedangkan *lae* ialah kata

sapaan akrab untuk menyebut kawan. Tuturan *horas lae* dimaksudkan LMn untuk berintegrasi sehingga dapat menghilangkan sekat budaya.

2. Strategi Penyesuaian Penutur Mandailing (PMd)

Berbeda dengan penutur Minangkabau yang menggunakan lima teknik strategi penyesuaian, penutur Mandailing hanya menggunakan empat teknik untuk menjangkau komunikasi. Keempat-empat teknik itu termasuklah berbahasa Indonesia secara utuh, berbahasa Minangkabau secara utuh, beralih kod Indonesia-Minangkabau, dan bercampur kod Indonesia-Minangkabau. Keempat-empat teknik tersebut akan dijelaskan satu per satu dengan menampilkan alasan dan contoh.

(a) Berbahasa Indonesia secara utuh

Sebagaimana halnya etnik Minangkabau, penutur Mandailing juga lebih memilih untuk menggunakan bahasa Indonesia ketika berkomunikasi dengan penutur Minangkabau. Pemilihan teknik ini bertujuan menjangkau peristiwa komunikasi memandangkan peranan bahasa Indonesia sebagai bahasa penyatuan yang memungkinkan penutur daripada pelbagai budaya dapat berkomunikasi. Dengan demikian peserta yang terlibat dalam interaksi ini mempunyai pentafsiran yang sama terhadap mesej. Pemakaian teknik ini dapat dilihat melalui peristiwa komunikasi yang berikut.

- PMd: Ta, bukunya dibawa?
(Ta, bawa buku tak?)
PMn: Aduh, lupa. Maaf, ya Nik.
(Lupalah. maaf ya Nik?)
PMd: Tak apa. Besok, kuliah kan?
PMn: Ya... Insya Allah. (1PMd1.12)

Jika disemak tuturan pada data 1PMd1.12 di atas, maka dapat ditegaskan bahawa tidak ada perbezaan antara penutur Minangkabau dan penutur Mandailing dalam menggunakan teknik ini, sebagaimana yang ditemukan pada tuturan Data 1PMn1.2. Perbezaan teknik ini hanya dapat disemak melalui teknik pemerhatian, iaitu mencakupi aksentuasi, kecepatan, dan suara daripada kedua-dua penutur yang berbeza latar sosial budayanya. Ertinya, tuturan antara PMn dengan PMd boleh sama, tetapi lakuan tuturnya berbeza.

(b) Berbahasa Minangkabau

Meskipun sukar, penutur Mandailing berupaya berbahasa Minangkabau. Teknik ini dilakukan untuk mengakrabkan diri dan mewujudkan rasa penyatuan memandangkan kampus di kawasan Minangkabau. Dengan kata lain, mereka berpandangan bahawa sudah semestinya penutur Mandailing pandai berbahasa Minangkabau kerana tinggal di kawasan Minangkabau. Pandangan inilah yang memotivasikan penutur Mandailing menggunakan bahasa Minangkabau seperti dalam peristiwa komunikasi yang berikut.

- PMd: Pit, ado Pak Yul?
(Pit, Encik Yul ada?)
- PMn: Alun tibo lai.
(Belum datang lagi).
- PMd: Lai ka tibo baliu hari ko?
(Dia datang tak, hari ini?)
- PMn: Biasonyo lai, tapi agak siang.(Data 1PMd2.1)
(Biasanya datang, tetapi tengah hari).

Data 1PMd2.1 di atas menunjukkan bahawa semua kata yang dipilih oleh PMd dalam tuturannya merupakan kosa kata bahasa Minangkabau. Akan tetapi, realiti menunjukkan bahawa identiti PMd masih dapat dikesan melalui tuturannya walaupun kosa kata dan susunan kata yang digunakan PMd berbahasa Minangkabau,

(c) Beralih kod Indonesia-Minangkabau

Alih kod bahasa Indonesia-Minangkabau merupakan salah satu teknik yang digunakan penutur Mandailing untuk mendekati diri dengan penutur Minangkabau. Pemilihan teknik ini lebih disebabkan oleh penguasaan aspek linguistik bahasa Minangkabau yang terhad dalam kalangan penutur Mandailing. Penggunaan teknik tersebut dapat dicermati pada contoh yang berikut.

- PMd: Wan, sudah pembagian kelompok kemaren?
- PMn: Alun. Tinta print baulah. Secepatnyolah.
(Belum, dakwat pencetak lagi rosak. segera ya).
- PMd: Iyolah, janji Rabu jo apak, kan?
(Bolelah, janji hari Rabu dengan encik, kan?)

LMn: Aman tu.(Data 1PMd3.5)
(Boleh.)

Peristiwa bahasa sebagaimana data 1PMd1.3 di atas menunjukkan bahwa penutur Mandailing memulai interaksi dengan menggunakan bahasa Indonesia “Wan, sudah pembagian kelompok kemaren”. Akan tetapi, PMn yang menjadi lawan tuturnya menjawab dengan bahasa Minangkabau, sehingga selanjutnya mereka beralih kod ke bahasa Minangkabau “Iyolah, janji rabu jo apak, kan?”.

(d) Bercampur kod Indonesia-Minangkabau

Teknik ini hampir sama dengan teknik alih kod bahasa Indonesia-Minangkabau. Perbezaan kedua-duanya hanya terletak pada satuan linguistik yang digunakan. Jika pada alih kod, tataran linguistik yang digunakan penutur adalah minimum ayatnya, maka tataran linguistik pada campur kod terbatas pada tataran kata ataupun frasa. Sama halnya dengan teknik (2) dan (3) di atas, teknik campur kod Indonesia-Minangkabau juga digunakan penutur Mandailing untuk mendekati diri dengan penutur Minangkabau. Penggunaan teknik ini seperti contoh yang berikut.

PMd: Jadi diskusinya nanti, Rin.
(Petang nanti, jadi bincang, tak Rin)
PMn: Tapi, iya. Katakan sama Dedi.
(Iya. Beritahu kepada Dedi).
PMd: Dedi nggak masuk. Minta sms ciek (sambil mengulurkan tangan).
(Dedi tidak datang. Bagi sms satu).
PMn: Bahp lai, pulsa ndak lo bapokok.(tertawa)
(Telefon bimbit ada, tapi kredit tak ada).
PMd Beramal (tertawa). (Data 1PMd4.2)
(Berbuat kebajikan).

Data 1PMd4.2 di atas menunjukkan bahwa PMd memulai tuturannya dengan bahasa Indonesia, iaitu “Dedi nggak masuk. Minta sms ...” , kemudian secara spontan PMd menggunakan kata “ciek”. Pemilihan kata ini lebih disebabkan oleh keinginan penutur untuk membina situasi yang santai kerana penggunaan kata “satu” bagi PMd sebagai bentuk yang terlalu rasmi untuk berkomunikasi dengan kawan akrab.

1. Strategi Penyimpangan

Strategi penyimpangan merupakan upaya pengekaln budaya yang tercermin melalui bahasa yang digunakan oleh penutur. Komunikasi antara budaya Minangkabau-Mandailing tampak pada upaya penggunaan bahasa Minangkabau yang pada satu sisi dapat mengurangi sekat budaya, tetapi pada sisi lain memperjelas identiti atau menunjukkan budaya penuturnya. Strategi penyimpangan ini sering digunakan penutur Minangkabau dalam berkomunikasi dengan penutur Mandailing. Hal ini dapat dibuktikan melalui data daripada soal selidik. Daripada 37 Informan penutur bahasa Minangkabau yang dijadikan sampel, 35 orang menjawab bahasa Minangkabau digunakan untuk menyapa sesama rakan di persekitaran kampus, baik dalam kalangan pensyarah, pelajar, mahupun kakitangan pejabat). Alasan yang dikemukakan oleh 35 orang informan itu hampir sama, iaitu bahasa Minangkabau lebih dapat mengakrabkan penutur dengan lawan tutur.

Pemilihan strategi ini merupakan bentuk upaya integrasi budaya untuk mengurangkan jarak sosial dan jarak budaya antara penutur. Dengan kata lain, pemilihan strategi ini didasarkan pada motivasi untuk mengabaikan perbezaan dan merentas sekat sosial budaya kedua-dua suku bangsa.

Selain alasan tersebut, penggunaan strategi ini juga lebih didasarkan pada aspek kawasan penggunaan yang secara tidak langsung memberikan kuasa kepada penutur dominan untuk menggunakan secara lebih leluasa. Situasi yang demikian terbina dengan sendirinya apabila berlaku pertembungan pengaruh budaya majoriti dengan budaya minoriti dalam interaksi sosial.

Selain pengekaln bahasa Minangkabau dalam peristiwa komunikasi, kedua-dua suku bangsa itu juga mengekalkan aspek linguistik lain, iaitu aksen (loghat). Pengekaln aksen dapat diamati dengan jelas ketika kedua-dua suku bangsa menggunakan bahasa Indonesia, beralih kod, dan bercampur kod. Pengekaln ini boleh disemak melalui data yang bersumberkan catatan deskriptif ketika pemerhatian digunakan. Data menunjukkan bahawa walaupun kedua-dua penutur menggunakan bahasa yang sama (bahasa Indonesia), identiti kedua-duanya boleh dibezakan berdasarkan lakuan tuturnya sebagaimana dikemukakan dalam pembahasan strategi 1 bahagian b.1) sebelumnya. Untuk lebih jelas, huraian peristiwa tutur yang berikut disemak:

PMn: Makalah SKI kapan kita buat?
(Bila kita nak buat Makalah SKI?)

- PMd: Kita diskusikan bersama-sama. Semua satu kelompok.
(Kita berbincang sama-sama. Semua, satu kumpulan)
- PMn: Bila kita diskusikan?
(Bila kita nak berbincang?)
- PMd: Terserah kawan-kawan. Tapi jangan sekarang, ya? (1PMn1.10)
(Terpulanglah kepada kawan-kawan. Tapi janganlah sekarang, ya?)

Data 1PMn 1.10 tidak memperlihatkan perbezaan antara kedua-dua penutur. Walau bagaimanapun catatan deskriptif terhadap lakuan tutur kedua-dua penutur menunjukkan bahawa PMn bertutur dengan aksen Minangkabau yang cenderung menggunakan tempo lambat, suara rendah dan berirama, sedangkan PMd bertutur dengan tempo yang cepat dan suara tinggi. Lakuan tutur kedua-dua penutur tersebut menunjukkan loghat masing-masing bahasa. Ertinya, masing-masing suku bangsa tetap menggunakan aksennya, sehinggakan identiti kedua-dua suku bangsa tetap tercermin melalui penggunaan bahasanya. Dengan kata lain, aksen dapat menggambarkan kebiasaan atau budaya penutur bahasa. Penemuan ini sesuai dengan kesimpulan Andersen & Taylor (2005:40) tentang hubungan bahasa dan budaya, iaitu "*Language reflect the assumption of a culture*".

Pengekalan aksen itu pada asasnya merupakan strategi yang berlaku dengan sendiri spontan atau tanpa dirancang oleh masing-masing penutur. Pengekalan ini dapat dikelompokkan sebagai strategi kerana aksen dapat menjayakan komunikasi. Melalui aksenlah masing-masing suku bangsa dapat mengenal dan memahami kebiasaan lawan tuturnya sehingga mereka boleh saling menerima mesej yang disampaikan ketika peristiwa komunikasi berlangsung, baik pilihan kata, nada, mahupun cara yang digunakan oleh masing-masing suku bangsa.

KESIMPULAN

Sesuai dengan teori komunikasi akomodasi Giles (1975), dua strategi yang digunakan oleh etnik Minangkabau-Mandailing dalam komunikasi verbal, iaitu pemusatan dan penyimpangan. Kedua-dua strategi tersebut beroperasi secara bervariasi sesuai dengan konteks berlangsungnya komunikasi.

Strategi pemusatan yang dilakukan oleh kedua-dua suku bangsa tersebut dapat dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu berbahasa

Indonesia secara utuh, beralih kod, dan bercampur kod, sedangkan strategi penyimpangan dapat dibedakan atas pengekaln bahasa Minangkabau dan pengekaln aksen. Alih kod dan campur kod melibatkan tiga kod, iaitu bahasa Indonesia, bahasa Minangkabau, dan bahasa Mandailing. Pengekaln bahasa Minangkabau berlaku sesuai dengan kuasa kawasan penggunaan bahasa yang dapat digolongkan sebagai budaya dominan, sedangkan pengekaln aksen bersifat spontan yang dapat menunjukkan identiti masing-masing penutur.

NOTA

- 1 Artikel ini merupakan bahagian daripada hasil penyelidikan tahun 2010 yang dibiayai oleh dana DIPA IAIN Imam Bonjol Padang. Hasil penyelidikan tersebut sudah dibentangkan dalam seminar hasil penyelidikan para peneliti yang diselenggarakan oleh Lembaga Penelitian IAIN Imam Bonjol Padang 14-17 November 2010.

RUJUKAN

- Andersen, Margaret and Taylor, Howard F., 2005. *Sociology: The Essentials*. United States of America : Thomson Wadsworth.
- Bell, Allan, 1991. *The Language of News Media*. Oxford: Mass Blackwell.
- Claire, Kramsch, 1998. *Language and Culture*. Oxford: Oxford University Press.
- Dodd, Carley H., 1982. *Dynamics of Intercultural Communication*. Dubuque: Wm. C. Brown Company Publish.
- Dutton, Edward. 2011. "Towards a Scientific Mode of Culture Shock an Intercultural Communication" dlm. *Journal of Intercultural Communication* 27 July 2011, <http://www.immi.se/intercultural>.
- Coupland, N. & Jaworski, A., 1997. "Relevance Acomodation and Conversation: Modelling the Social Dimension of Communication" dlm *Multilingua* 16-2/3, hlm 58-233.
- David, Maya Khemlani, 1999. *Trading in an Intercultural Context: The Case of Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Giles, H. & Powesland, P. F., 1975. *Speech Style and Social Evaluation*. London: Academic Press.
- Griswold, Wendy, 1994. *Culture and Societies in a Changing Word*. CA: Pine Forge Press.
- Hanssen, Ingrid.,2011. "A Song of Identity: Yoik as Example of the Importance of Symbolic Cultural Expression in Intercultural Communication/ Healt

- Care” dlm. *Journal of Intercultural Communication* <http://www.immi.se/intercultural>).
- Harms, L. R. S., 1973. *Intercultural Communication*. New York: Harper & Row.
- Moleong, Lexy J., 1995. *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Bandung: Remaja Rosdakarya Offset.
- Neuliep, James W., 2003. *Intercultural Communication: A Contextual Approach*. London: Sage Publication.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. 2009. “Akomodasi dalam Komunikasi Verbal antara Budaya Masyarakat Melayu-Cina.” dlm. *Jurnal Bahasa* 9:2, hlm 219-39. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samovar, et al., 1981. *Understanding Intercultural Communication*. California: Wodsworth Publishing Company.
- Saville-Troike, M., 2006. *The Ethnography of Communication*. Oxford, England: Blackwell.
- Tannen, Deborah. 2006. “Language and Culture” dlm. Fasold, R.W. & Cannor-Linton, J. *An Introduction Language and Linguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Trudgill, P., 1974. *Sociolinguistics: An Introduction*. Middlesex: Penguin Books Ltd.